

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[FORMATION OF UMMAH WASATIYYAH THROUGH TAUHID AL-HIKAM SHAYKH IBN ATAILLAH THERAPY]

PEMBENTUKAN UMMAH WASATIYYAH MENERUSI TERAPI TAUHID AL-HIKAM SHAYKH IBN ATAILLAH

SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR ^{1*}
NURUL AARIFAH MUSA ²

¹ Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporeri Islam, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam Universiti Sultan Zainal Abidin.

² Calon Sarjana Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporeri Islam Universiti Sultan Zainal Abidin

*Corresponding author: sylutfi@unisza.edu.my

Received Date: 7 January 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

Abstract

Intermediate community (ummah wasatiyyah) born of islamic appreciation by understanding the beauty and the truth of its teaching. The main pillar in forming this intermediate community always been linked with three important element, that is Islam, Iman (faith) and Ihsan (perfection/excellence). This article tried to explicate the concept of tawheed that expressed by Shaykh Ibn Ataillah al-Sakandari as an important instrument in forming the best community which declared in Quran. This writing highlighted the tawheed of act that summarized in al-Sakandari's words of wisdom and its application of value as the principal element for intermediate community conformation. This qualitative study applied content analysis methode by reviewing tawheed of act standpoint from the book "al-Hikam" by Shaykh Ibn Ataillah as primary source and supported with others of his writings. This study found that the tawheed of act element are the most important aspect in forming intermediate community because it indicate submission to power and authority of Allah SWT also his jurisdiction in every movement and act of all the creation. Hence, a community will never achieve title of the best community if submission to Allah SWT is not being applied in every act and movement. Therefore, this study conclude that 'ummatan wasata' which also termed in Quran as 'khayra ummah' is a community that possess the most important features of tawheed, which is believe of Oness of Allah SWT in His Acts.

Keywords: Ummah wasatiyyah, Tawheed Therapy, Ibn Ataillah al-Sakandari, al-Hikam, tauhid al-af'al.

Abstrak

Ummah wasatiyyah lahir daripada penghayatan Islam dengan memahami keindahan dan ketelusan ajarannya. Tonggak utama dalam pembentukan *ummah wasatiyyah* sentiasa dikaitkan dengan tiga elemen penting, iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Artikel ini cuba mengutarakan konsep tauhid yang dikemukakan oleh Shaykh Ibn Ataillah al-Sakandari sebagai satu instrumen penting dalam pembentukan umat terbaik sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Penulisan ini mengetengahkan tauhid *al-af'al* yang terangkum dalam kalam *Hikam al-Sakandari* dan penerapan nilainya sebagai teras dalam pembentukan *ummah wasatiyyah*. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti aspek tauhid *al-af'al* daripada sumber utama kitab *al-Hikam* Shaykh Ibn Ataillah dan didokong oleh beberapa karya beliau yang lain. Kajian mendapati bahawa elemen tauhid *al-af'al* merupakan aspek yang terpenting dalam membina *ummah wasatiyyah* kerana ia merujuk kepada penyerahan diri kepada kekuasaan dan kudrat Allah SWT serta tadbir urusNya dalam setiap gerak-geri dan tindak-tanduk seluruh makhluk. Justeru, suatu umat tidak mungkin mencapai status umat terbaik selama mana segala tindak-tanduk dan perbuatan tidak disertakan dengan penyerahan kepada Allah. Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa ‘*ummatan wasata*’ yang juga diistilahkan dalam al-Quran sebagai ‘*khayra ummah*’ merupakan satu umat yang mempunyai ciri-ciri terpenting tauhid, iaitu elemen mentauhidkan Allah SWT dari aspek perbuatanNya.

Kata kunci: Ummah Wasatiyyah, Terapi Tauhid, Ibn Ataillah al-Sakandari, Kitab al-Hikam, Tauhid al-Af'al.

Cite as: Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Nurul Aarifah. 2018. Pembentukan Ummah Wasatiyyah Menerusi Terapi Tauhid Al-Hikam Shaykh Ibn Ataillah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 11-21.

PENDAHULUAN

Terapi tauhid atau penerapan nilai tauhid bagi meneguhkan keyakinan dan membentuk peribadi terbaik merupakan salah satu usaha seseorang muslim membina kesejahteraan dirinya secara bersendirian, iaitu dengan muhasabah dan berfikir mengenai keagungan dan keesaan Allah SWT serta menyerahkan segalanya kepada tadbirNya. Manakala pembinaan diri dengan panduan guru pula berjalan melalui pengajian dan amalan tugas bagi membentuk peribadi yang bersifat dengan ciri-ciri *khayra ummah* dan *ulu al-albab* yang merupakan kriteria *ummah wasatiyyah* sebagaimana yang disebut dalam al-Quran.

Menyoroti kajian literatur, umumnya mengetengahkan konsep tauhid dan kepentingan memahami serta mendalami ilmu tauhid (Kamarul, 1999), manakala kajian lain mengupas doktrin tauhid para sarjana lain, seperti pemikiran tauhid Ibn Qayyim (Mohd Takiuddin, 1999), perbandingan konsep tauhid Muhammad Ibn Abd al-Wahhab (Muhammad Hanif, 2008), perbahasan mantik dan hukum akal dalam karya Shaykh Daud al-Fatani (Faisol, 2011) dan pandangan tauhid Tok Ku Paloh (Ahmad Zamani, 2013). Tidak kurang juga penulisan yang menyentuh aspek keutamaan terapi Muslim menerusi penghayatan tauhid, iaitu peranan besar penerapan nilai tauhid bagi memperoleh ketenangan hati dan pemantapan peribadi (Hairunnaja, 2007; Mizan Fazrul & Hanit, 2012; Osman, 2008; ‘Atif al-Zayn, 1991; Shamsul, 2013) serta kepentingan kesedaran tauhid dalam melahirkan masyarakat yang bermotivasi dan maju dalam

setiap aspek kehidupan (Sa'adiah & Suhaily, 2009; Engku Ahmad Zaki, 2014).

Meneliti definisi tauhid dengan fokus penghayatan tauhid *al-af'al* daripada tokoh-tokoh pemikir akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti al-Ghazali [m.1111M] (t.t) dan Tuan Minal (t.t), dapat difahami bahawa tauhid *al-af'al* ialah kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT dalam aspek perbuatan, iaitu Allah SWT yang menjadikan semua makhluk dan menyiapkan urusan mereka. Allah SWT menjadikan perbuatan manusia sama ada pilihan atau paksaan. Penciptaan dan kewujudan perbuatan manusia disandarkan kepada Allah SWT, manakala akibatnya dinisbahkan kepada pelakunya dan diberi ganjaran kerana taat, manakala diazab kerana maksiat. Aplikasi penerapan nilainya dijelaskan Tuan Minal (t.t) bahawa wajib bagi Muslim beriktikad bahawa setiap sesuatu tidaklah memberi bekas kerana segala perbuatan dan kesannya adalah daripada Allah SWT, iaitu perlu memandang segalanya adalah daripada Allah SWT, manakala sesuatu yang berlaku adalah asbab atau sesuatu yang diikat sebagai sebab.

Artikel ini cuba mengenal pasti keutamaan penghayatan tauhid *al-af'al* dalam membentuk *ummah wasatiyyah* menurut pandangan seorang tokoh kerohanian yang masyhur dalam dunia Islam, iaitu Shaykh Ibn Ataillah al-Sakandari (m.1309M). Menerusi metode analisis kandungan teks *al-Hikam*, kajian ini dilaksanakan dengan meneliti elemen tauhid yang terkandung dalam karya-karya tokoh ini khususnya kitab *al-Hikam*. Sehubungan itu, artikel ini akan menganalisis pandangan beliau secara ilmiah dengan hujah-hujah yang wajar. Bagi mendapat gambaran pemikiran tokoh, pengenalan ringkas beliau dinyatakan sebagai pendahuluan.

Beliau ialah Abu al-Fadl Ahmad ibn Muhammad ibn Abd Karim ibn Abd al-Rahman ibn Abd Allah ibn Ahmad ibn Isa ibn al-Husayn ibn Ataillah, membesar dan menerima didikan awal di Iskandariah, Mesir. Dilahirkan pada tahun 658H/1260M dan meninggal pada Jamadil Akhir 709H/1309M (Ibn Ajibah, t.t). Menyoroti ketokohan beliau, ulama yang hidup sezaman beliau mengakui kepakaran beliau dalam pelbagai bidang, iaitu ilmu tafsir, hadith, fiqh, usul, bahasa, ilmu tarbiah termasuklah kesufian. Beliau merupakan seorang alim yang mengumpulkan kedua ilmu syariat dan ilmu hakikat, zahir dan batin, ilmu dan amal (Ibn Ataillah, t.tb). Beliau merupakan guru generasi ketiga dalam rantaian guru utama tarekat *Shadhuliyyah* dan pendokong pertama yang menulis ajaran dan amalan tarekat ini (Danner,1987). Beliau meninggalkan beberapa karya bertulis, seperti *al-Tanwir fi Isqat al-Tadbir*, *Taj al-Arus*, *Unwan At-Taufiq fi Adab Al-Thariq*, *Miftah Al-Falah*, *Al-Qaul Al-Mujarrad fil Al-Ism Al-Mufrad* dan *al-Hikam*, kebanyakannya mengenai tasawuf dan enam daripadanya telah diterbitkan, karyanya yang paling popular ialah *al-Hikam* (Mahayudin, 1986).

Ramai ilmuan dari zaman yang berbeza berlumba-lumba dalam menulis huraiyan kitab *al-Hikam* yang kecil saiznya namun besar kesan dan manfaatnya ini dengan harapan mendapat berkat dengannya (al-Buti, 2003 j.1). Disebut oleh para pengkaji bahawa *al-Hikam* merupakan antara karya agung ulama Islam yang menerima sambutan hangat dari kalangan ulama dalam bentuk huraiyan yang mana mempunyai lebih daripada 30 buah syarah (Sulaiman, 2005). Dalam konteks Alam Melayu, pemikiran tasawuf sunni yang paling awal tersebar adalah menerusi kitab *al-Hikam* (Hikam Melayu) yang diterjemah dan dihuraikan oleh Shaykh Abd al-Malik dikenali sebagai Tok Pulau Manis (m. 1736M) (Sulaiman, 2005). Kitab *al-Hikam* amat dekat sentuhannya dengan al- Quran sebagaimana pendapat al-Bannani (m. 1284H): “*Hampir-hampirlah Hikam Ibn Ataillah menyerupai wahyu.*” Al-Buti (2003) turut berpendapat kalam

hikmah ini merupakan hasil cernaan al-Quran dan al-Sunnah. Ibn Ajibah (t.t) juga menegaskan bahawa sentuhan *Hikam* tokoh ini memberi kesan mendalam ke dalam jiwa pembaca mahupun pendengarnya.

ACUAN TAUHID AL-AF‘AL DALAM AL-QURAN

Aplikasi penerapan nilai tauhid *al-af‘al* terkandung dalam al-Quran, bahkan al-Quran merupakan sumber utama penghayatan akidah Islam dan tauhid hakiki. Firman Allah SWT maksudnya:

“(Al-Quran) ini disampaikan kepada manusia supaya mereka diberi ingat dan diberi nasihat dengananya; dan supaya mereka mengetahui (dengan hujah-hujah yang tersebut di dalamnya) bahawa sesungguhnya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa; dan supaya orang- orang yang mempunyai fikiran, beringat dan insaf.” (Ibrahim 14: 52)

Jadual 1: Penerapan tauhid al-af‘al dalam al-Quran

Bil.	Pernyataan tauhid al-af‘al	Surah/Ayat
1.	Tiada yang terjadi melainkan apa yang tertulis	Al-Taubah 9: 51 Al-Hadid 57: 22-23
2.	Segala baik buruk daripada Allah SWT	Al-Nisa“ 4: 78-79 Al-Naml 27: 47
3.	Tiada yang dapat menghalang kebaikan mahupun musibah daripada Allah SWT	Yunus 10: 107 Al-Zumar 39: 38
4.	Allah SWT yang mencipta dan memilih	Al-Qasas 28: 68
5.	Tiada mudarat melainkan dengan izin Allah SWT & Allah SWT memimpin hati bersabar	Al-Baqarah 2: 102 Al-Taghabun 64:
6.	Allah bahagikan kehidupan manusia, menentukan tinggi rendah seseorang	Al-Zukhruf 43: 32
7.	Tidaklah kamu membunuh/melempar melainkan Allah SWT	Al-Anfal 8:17
8.	Allah SWT perjalankan manusia di laut dan di darat	Yunus 10: 22
9.	Allah SWT mencipta, memberi hidayah, makan minum, sakit sembah, mematikan menghidupkan	Al-Shuaara“ 26:
10.	Allah SWT membuat manusia ketawa dan menangis	Al-Najm 53: 43
11.	Allah SWT menguasai langit dan bumi, ampun dan siksa siapa dikehendaki	Al-Fath 48: 14
12.	Allah SWT mencipta manusia dan perbuatan mereka	Al-Saffat 37: 96

Sumber: al-Quran al-Karim

Menerusi pernyataan tauhid *al-af'al* daripada beberapa petikan ayat al-Quran sebagaimana tersenarai dalam jadual 1, aplikasi penerapan nilainya secara keseluruhan dapat difahami bahawa tiada kuasa dan daya melainkan dengan Allah SWT, *la hawla wa la quwwata illa bi Allah*. Manusia diberi pilihan dan sedikit kudrat pinjaman bagi melaksanakan sesuatu secara zahir, namun hakikatnya segala perilaku adalah kejadian Allah SWT dan setiap yang terjadi adalah dengan izin Allah SWT. Allah SWT juga yang memimpin hati segolongan manusia menerima suratan kejadian yang berlaku, manakala segolongan yang lain ditutup hatinya.

Menurut al-Nursi (2005), meyakini takdir baik atau buruk yang ditetapkan Allah SWT pada masa yang sama mengakui kebebasan kehendak manusia merupakan aspek penyerahan yang mendalam dalam akidah Islam. Kehendak dan perbuatan buruk adalah jahat, tetapi hal tersebut tidak mensabitkan kesalahan kepada yang menciptakan perbuatan tersebut, iaitu Allah SWT. Beliau menggambarkan situasi hujan yang mana walaupun menimpa sesuatu kaum dan memberi kerosakan kepada mereka, mereka tidak boleh menafikan bahawa hujan juga turun sebagai rahmat dan kebaikan kepada masyarakat yang lain. Oleh itu, apa yang berlaku adalah buruk, namun hujan bukanlah suatu keburukan.

PENERAPAN NILAI TAUHID AL-AF'AL SHAYKH IBN ATAILLAH MELALUI KITAB AL-HIKAM

Tauhid dijelaskan Shaykh Ibn Ataillah ialah penyaksian bahawa setiap sesuatu adalah daripada Allah SWT, sesiapa yang mengucapkan kalimah *la ilah illa Allah* seharusnya meyakini bahawa segala sesuatu datang dari Allah SWT (Ibn Ataillah, t.ta). Beliau menggambarkan anggota jasad manusia adalah ibarat ternakan yang menjadi tanggungjawab manusia, manakala Allah SWT sebagai pemiliknya. Telus dan amanah dalam jagaan menghasilkan ternakan yang bagus, seterusnya mendapat keredhaan Pemilik Esa, manakala kelalaian dalam jagaan boleh diazab mahupun dimaafkan (Ibn Ataillah, t.ta). Hasil keyakinan Ibn Ataillah dengan kewujudan dan keesaan Allah SWT yang merupakan pemilik kudrat dan iradat, beliau menegaskan bahawa semua perbuatan manusia adalah makhluk Allah sama ada baik mahupun jahat (Sulaiman, 2005).

Kitab *al-Hikam* karya Shaykh Ibn Ataillah al-Sakandari mengetengahkan penghayatan tauhid secara mendalam dan halus serta membimbing perjalanan benar mencapai hakikat Islam, iman dan ihsan. Muhibbuddin (2002) menukilkan kata-kata Ibnu 'Ibad an-Nafzy ar-Randy: "*Kitab al-Hikam adalah kitab yang afdhul dari semua kitab yang ditulis di dalam ilmu Tauhid*". *Al-Hikam* merupakan suatu karya yang menepati aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, menguatkan cahaya iman dan yakin, serta memperkenalkan adab yang selayaknya bagi seseorang hamba di hadapan Tuhannya (al-Sindi, 2010). Kitab *al-Hikam* Ibn Ataillah membahas tentang tauhid dan akhlak yang menjurus ke arah tasawuf Islam, yang selalu mementingkan kerohanian dalam segala aspeknya dari keduniaan (Wahyuni, 2011). Walaupun sebahagian kalam *al-Hikam* tidak melafazkan tauhid secara tekstual, namun apabila didalami dan dihayati maksud sentuhan yang ingin disampaikan adalah keikhlasan dalam kehambaan di samping penyerahan sebulatnya kepada pilihan dan ketentuan Allah SWT tanpa mengabaikan

kewajipan dan tuntutan perlaksanaan amalan.

Jadual 2: Pernyataan tauhid al-af'al dalam kalam al-Hikam Ibn Ataillah

Bil. Penerapan tauhid <i>al-af'al</i>	Kalam
1. Tidak patut bergantung kepada amal sendiri bahkan amalan kurniaan Allah SWT (jauhi riak dan pertahankan ikhlas, menunjukkan kehambaan)	1 8 45 49 50 51 92 148 160 161 169 238 239 243 253
2. Perbuatan manusia dengan izin Allah SWT	184
3. Jauhi tadbir, laksanakan tanggungjawab	4 5 112
4. Perlu beramal, disertai penyerahan dan ketaatan kepada Allah SWT	18 23 76 78 110 170 196 203
5. Amalan adalah kurniaan Allah SWT, Allah SWT yang menjadikannya dan memimpin/memberi ilham manusia melaksanakannya	58 69 74 90 91 122 123 190 258
6. Allah SWT menciptakan amalan, menyerasikannya dengan kemampuan, keadaan dan kehendak manusia (malah, pemberian daripada permintaan adalah sesuatu yang telah tertulis)	102 118 120 166 167 173 194 195 230

7.	Allah SWT meletakkan seseorang dalam sesuatu keadaan/kedudukan (segala puji bagi Allah SWT yang memberi kebaikan di samping menutup keburukan manusia, mengajarkan manusia nilai kehidupan dan kebesaran keagunganNya)	22 52 53 54 59 67 68 73 80 84 95 98 101 105 124 134 142 143 156 157 180 216 234 245 260
8.	Pilihan dan perlaksanaan Allah SWT adalah yang terbaik, hendaklah sentiasa berserah kepadaNya	2 6 17 19 63 64 75 83 93 114 150 198 221 225 226 235
9.	Allah SWT menerima amalan kerana kebaikanNya (Allah SWT menerima dan menolak mengikut kehendakNya)	131 132 219

Sumber: Transkripsi matan *al-Hikam* yang disalin semula oleh pengkaji dengan panduan tulisan matan berbentuk pdf diperoleh dari laman sesawang al-mostafa.com, susunan kalam daripada syarah Ibn Ajibah (t.t), Ahmad Zarruq (1985) dan al-Buti (2003), manakala terjemahannya merujuk terjemahan jawi lama Tok Pulau Manis (t.t) dan rumi oleh Abdul Ghani (2013)).

Jadual 2 menyenaraikan pernyataan tauhid *al-af'al* daripada kitab *al-Hikam* karya Shaykh Ibn Ataillah. Berdasarkan pernyataan beliau, tauhid *al-af'al* adalah mengembalikan segala urusan kepada Allah SWT, setiap perilaku seseorang hamba dengan izin dan ilham daripada Allah SWT. Namun, manusia tetap perlu beramal dan menanggung akibat daripada pilihan berbuat keburukan dan menerima rahmat daripada kebaikan dengan perkenan Allah SWT. Ibn Ataillah al-Sakandari bukan sahaja menjelaskan konsep tauhid yang seharusnya

difahami dan dihayati oleh seseorang Muslim, malah mendidik seseorang murid agar beradab dalam mentauhidkan Allah SWT. Kalam “*Janganlah ketaatan membuatkan anda gembira kerana ia keluar daripada anda, tetapi bergembiralah kerana ia keluar daripada Allah SWT kepada anda*” (Ibn Ataillah, t.ta) mendidik murid melindungi hati mereka daripada diresapi unsur tercela yang merosakkan ikhlas.

Aspek-aspek yang diketengahkan beliau dapat membentuk peribadi manusia terbaik, iaitu sebagaimana dijelaskan Ibn Ajibah (t.t) dalam syarahnya bahawa golongan yang tidak terkesan dengan ketetapan Allah SWT mampu terus cemerlang dengan pemikiran positif. Tidak terkesan ini dimaksudkan dengan penyerahan total, iaitu kesusahan dan ujian yang berlaku tidak mengakibatkan resah mahupun putus asa, manakala kesenangan dan anugerah tidak menyebabkan lupa diri dan lalai. Justeru setiap yang berlaku dinilai dengan hikmah dan disyukuri.

Sebagai seorang tokoh sufi sunni, penghayatan tauhid perbuatan menurut beliau bertepatan dengan definisi dan aplikasi tauhid *al-af’al* tokoh pemikir Ahli Sunnah Wal Jamaah seiptimana dijelaskan dalam pendahuluan. Dengan beberapa pembahagian tema penerapan nilai tauhid perbuatan sebagaimana tersenarai dalam jadual 2, beliau dilihat amat mendalami tauhid perbuatan dengan penyerahan bulat terhadap pilihan dan kehendak Allah SWT dalam perbuatan manusia serta mengosongkan kehendak sendiri yang mana timbul daripada rasa malu dengan kerendahan dan kelemahan sebagai seorang hamba.

KELAHIRAN UMAT TERBAIK DENGAN PENGHAYATAN TAUHID AL-AF’AL

Ummah wasatiyyah merupakan umat terbaik yang mengutamakan keadilan dan kecemerlangan, memberi tumpuan dalam memenuhi hak jasad dan rohani manusia (Abdullah, 2014). Tauhid atau kesedaran mendalam terhadap kewujudan Allah yang Maha Esa melahirkan masyarakat yang seimbang, adil dan terbuka tanpa mementingkan diri di samping sentiasa berkongsi kebaikan sesama makhluk (Nurcholish, 1992). Konsep tauhid juga mengetengahkan kepentingan keamanan dalaman seseorang manusia dengan memandang segalanya daripada Allah SWT dan kepadaNya juga manusia kembali, keamanan dalaman ini melahirkan individu bertolak ansur dan berkasih-sayang seterusnya membina masyarakat dan umat yang aman dan sejahtera (Fakhrudin et al., 2010).

Menerusi penghayatan elemen tauhid *al-af’al* yang terkandung dalam karya *al-Hikam*, seseorang akan sentiasa mengutamakan ingatan kepada Allah SWT dalam setiap situasi kehidupan. Sehubungan itu, mereka akan sentiasa berada dalam keadaan tenang dan pemikiran mereka terselamat daripada terpengaruh dengan kerendahan nafsu kemanusiaan, seperti besar diri, ego, bangga, ujub, takbur, sompong, hasad, dendki dan lain-lain sifat tercela. Sentiasa merasai kebersamaan dengan Allah SWT dan penyerahan sepenuhnya kepada Allah SWT memberi kedamaian hati (al-Nursi, 2007). Manusia yang menyandarkan perbuatan mereka kepada ketentuan Allah SWT sentiasa berusaha melaksanakan yang terbaik dan melindungi dirinya daripada terjebak dalam kerosakan jasmani dan rohani berikutan kesedaran mereka terhadap tanggungjawab dan amanah sebagai refleksi kehambaan, disertai praktik nilai ihsan daripada hadis Rasulullah SAW agar mengabdikan diri kepada Allah SWT seolah-olah melihatNya dan menyantuni pemerhatian Allah SWT yang tiada terbatas. Melalui penyerahan ini, mereka menghiasi peribadi dengan sifat-sifat mulia sebagai manusia terbaik dengan ikhlas,

merendah diri, sabar, tawaduk, zuhud, bertolak ansur, prihatin, reda dan lain-lain akhlak terpuji.

Walaupun pembentukan *ummah wasatiyyah* ini juga terkesan dengan aspek-aspek lain seperti keyakinan terhadap keesaan zat dan kesempurnaan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT yang Maha Agung, namun bagi menepati ruang dan objektif penulisan ini hanya diketengahkan aspek penghayatan tauhid perbuatan. Malah, apabila diteliti dan dihayati, keyakinan dalam aspek ini memberi pengaruh yang besar dalam mengukuhkan akidah Islam dengan penyerahan kepada Allah SWT yang mana membentuk akhlak manusia yang terpuji. Manakala dikhurasukan penelitian kepada ungkapan hikmah Shaykh Ibn Ataillah kerana tarbiah beliau yang tersebar luas turut tersebar ke Malaysia (Sulaiman, 2005).

KESIMPULAN

Kesedaran tauhid merupakan antara aspek utama kelahiran masyarakat maju dan bermotivasi tinggi. Tauhid *al-af'al* ialah penyerahan sepenuhnya bahawa segala sesuatu adalah daripada Allah SWT, manusia dan perbuatan mereka seluruhnya adalah kejadian Allah SWT. Penciptaan perbuatan disandarkan kepada Allah SWT, manakala akibatnya dinisbahkan kepada manusia, mereka diazab dan diampunkan dengan perkenan Allah SWT. Al-Quran menekankan penghayatan tauhid *al-af'al* sebagai penyerahan kepada Allah SWT. Shaykh Ibn Ataillah al-Sakandari menerusi karya beliau turut mengetengahkan penerapan nilai tauhid *al-af'al* dalam membentuk peribadi manusia yang sejahtera, iaitu menyandarkan segala sesuatu kepada Allah SWT. Melalui penghayatan dan kesedaran mendalam terhadap keagungan dan keesaan perbuatan Allah SWT, seseorang terselamat daripada sifat tercela dan menghiasi jiwa dan peribadinya dengan akhlak terpuji. Oleh itu, penerapan nilai tauhid *al-af'al* merupakan antara instrumen penting dalam pembentukan umat terbaik, iaitu *ummah wasatiyyah* yang merupakan golongan yang sentiasa mengutamakan ingatan kepada Allah dalam setiap situasi dan keadaan.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- Abdul Ghani, Jabal Maraqy. (2013). *Syarah Hikam Ibnu Athaillah oleh Tok Pulau Manis*. Kelantan: Jabal Maraqy Enterprise.
- Abdullah Md. Zin. (2014). *Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Ahmad Zamani Nawi. (2013). *Pemikiran Tawhid Tok Ku Paloh dalam Kitab Maarij al-Lahfan*. Tesis Sarjana, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Ahmad Zarruq. (1985). *Hikam Ibnu Ataillah: Sharh Shaykh Zarruq*. Kaherah: Dar al-Sha,,b.
- Atif al-Zayn (1991), *Ilm al-Nafs :Ma,,rifah al-Nafs al-Insaniyyah fi al-Kitab wa al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- al-Buti, Muhammad Said Ramadhan. (2003). *al-Hikam al-Atiyyah: Sharh wa Tahlil*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Danner, Victor. (1987). *Encyclopedia of Religion*. Dlm. Lindsey, J. p. 4262. United State of America: Thomson Gale.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2014). The Role of Faith in Developing Community Civilization. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(23): 1608-1613.

- Faisol Awang. (2011). *Penggunaan Hukum Akal dan Mantik Dalam Perbahasan Akidah Tauhid: Kajian kitab al-Durr al-Thamin oleh Shaykh Daud al-Fatani*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Fakhrudin Abdul Mukti, Mohd Fauzi Hamat, Faizuri Abd Latif & Norafifah Ab Hamid. (2010). *Wasatiyyah dan Keamanan Global: Kajian Terhadap Pemikiran Ulama Melayu*. Akses pada Ogos 5, 2015, dari <http://eprints.um.edu.my>.
- al-Ghazali, Abu Hamid. (t.t). *Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah.
- Hairunnaja Najmuddin. (2007). Psikologi Ketenangan Hati. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd. Ibn Ajibah, Ahmad bin Muhammad. (t.t). *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Ma,arif. Ibn Ataillah al-Sakandari (t.ta). al-Hikam al-Atiyyah. Pdf. Akses Jun 30, 2015 dari (www.al-mostafa.com).
- Ibn Ataillah al-Sakandari (tahqiq: 'Abd al-Halim Mahmud). (t.tb). *Lataif al-Minan*. Kaherah: Dar al- Ma,ārif.
- Ibn Ataillah, Ahmad ibn Ataillah al-Sakandari. (t.tc). *Taj al- Arus al-Hawi li Tahdhib al-Nufus*. Kaherah: Dar Jawami al-Kalim.
- Kamarul Bakri Abd.Aziz. (1999). Konsep Tauhid dalam Kitab Jawi. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahayudin Yahaya. (1986). *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. 1. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mizan, Fazrul & Hanit, M.A. (2012). *Kaunseling dalam Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM (Universiti Sains Islam Malaysia).
- Mohammad Luqman Hakiem (1995). *Raudhah: Taman Jiwa Kaum Sufi*. (Terj. Abu Hamid al-Ghazali). Surabaya: Risalah Gusti.
- Mohd. Takiyuddin Ibrahim. (1999). Konsep Tauhid dan Sifat-sifat Allah Menurut Ibn Qayyim al- Jawziyyah. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Hanif Abd Patah. (2008). The Concept of Tawhid According To Muhammad Ibn Abd al-Wahhab and Muhammad Abdurrahman. Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Hasan al-Himsi. (t.t). *Tafsir wa Bayan ma,,a Asbab al-Nuzul li al-Suyuti ma,,a Faharis Kamila li al-Mawadi,, wa al-Alfaz*. Beirut: Dar al-Rashid.
- Muhibbuddin Waly. (2002). *Hakikat Hikmah Tauhid dan Tasawuf*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Nurcholish Madjid. (1992). *Islam: Doktrin dan Peradaban*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- al-Nursi, Badiuzzaman Said. (2005). *The Words: The Reconstruction of Islamic Belief and Thought*. (Terj. Huseyin Akarsu). New Jersey: The Light Inc.
- al-Nursi, Badiuzzaman Said. (2007). *The Letters: Epistles on Islamic Thought, Belief and Life*. (Terj. Huseyin Akarsu). New Jersey: The Light Inc.
- Osman Bakar. (2008). *Mewujudkan tamadun ilmu berlandaskan tauhid*. Dlm. Ahmad Baharudin, Agama dan Sains Moden, hlm. 130-145. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Sindi, Muhammad Hiwah Ibn Ibrahim al-Madani (2010). *Sharh al-Hikam al-Atiyyah, Nazar Hamadiy (tahqiq)*, Beirut-Lubnan: Muassasah al-Maarif .
- Siti Sa'adiah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar. (2009). Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 2: 81-101.
- Shamsul Mohd Nor. (2013). *Hakikat Hidup Beriman*. Selangor: Yamani Angle Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ibrahim. (2005). Manhaj Dakwah al-Syaykh Ibn Ataillah al-Sakandariy dan Pengaruhnya di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Tok Pulau Manis. (t.t). *Hikam Jawi*. Fatani: Matbaah Ibn Halabi.
- Tuan Minal, Zayn al-Abidin ibn Muḥammad al-Fatani. (t.t.). *Aqidah al-Najin fi Ilm Usul al-Din*, Fatani: Matbaah Ibn Halabi.
- Wahyuni, D. (2011). *Pengaruh Pengajian Kitab al-Hikam Terhadap Penguatan Kecerdasan Spiritual Pada Jama'ah al-Hikam di Masjid Bumi Damai al-Muhibbin Tambak Beras Jombang*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Surabaya.